



**KAMUS TAFSIRAN  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**



**Jabatan Pembangunan Kemahiran  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

## **KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>M/S</b>
1. PENGENALAN .....	1
2. LATAR BELAKANG .....	1
3. TUJUAN.....	2
4. SENARAI ISTILAH.....	3
5. SENARAI KEPENDEKAN.....	5
6. PENGUATKUASAAN .....	7
<b>KATEGORI 1 .....</b>	<b>8</b>
SENARAI TERMINOLOGI DAN TAFSIRAN.....	8
7. TERMINOLOGI.....	9
Jadual 1 : Senarai Terminologi dan Tafsiran, Jabatan Pembangunan Kemahiran .....	10
<b>KATEGORI 2 .....</b>	<b>31</b>
SENARAI INDUK PANDUAN JPK .....	31
8. SENARAI PANDUAN JPK .....	32
Jadual 2 : Senarai Daftar Panduan SPKM .....	33

## **1. PENGENALAN**

Kamus Tafsiran Jabatan Pembangunan Kemahiran adalah satu dokumen yang menyenaraikan semua terminologi yang digunakan di dalam garis panduan pekeliling bagi perlaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Kamus tafsiran ini diwujudkan bagi memudahkan semua pihak samada pengguna awam mahupun dalaman Jabatan sendiri bagi mengelakkan kekeliruan terhadap beberapa terminologi yang sama dari pelbagai panduan tetapi mempunyai tafsiran yang berbeza. Jabatan mengesyorkan Kamus Tafsiran Jabatan Pembangunan Kemahiran ini dijadikan sebagai rujukan utama jabatan dan pengguna awam selari dengan panduan-panduan SPKM yang sedang berkuatkuasa. Kamus Tafsiran JPK ini boleh dicapai di laman sesawang rasmi JPK oleh semua pihak.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 JPK telah membangunkan pelbagai garis panduan sebagai dokumen rujukan bagi menerangkan prosedur pentaulahan dan persijilan melalui SPKM di bawah Akta 652. Daripada garis panduan tersebut terdapat banyak istilah dan akronim yang sama telah digunakan pakai, tetapi telah membawa maksud yang berbeza mengikut tafsiran masing-masing.

2.2 Selaras dengan itu, melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal 1 (JKT I) Bil.11/2018 telah memutuskan agar penyelarasan harus dibuat agar tidak menimbulkan sebarang kekeliruan kepada semua pihak.

### **3. TUJUAN**

Kamus Tafsiran ini dibangunkan bertujuan untuk menyeragamkan istilah dan akronim yang digunakan oleh setiap Bahagian di Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) khususnya istilah yang digunakan dalam menerangkan konsep Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM). Dokumen ini disusun kepada dua (2) kategori iaitu:

**Kategori 1:      Senarai Terminologi dan Tafsiran**

Semua Terminologi dan tafsiran yang disenaraikan digunakan di setiap panduan yang telah dibangunkan seperti Jadual 1.

**Kategori 2:      Senarai Induk Panduan JPK**

Senarai panduan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang sedang berkuatkuasa seperti Jadual 2.

#### **4. SENARAI ISTILAH**

Pusat Bertauliah	Pusat Bertauliah bererti penyedia latihan kemahiran, samada institusi atau tempat kerja ( <i>workplace</i> ) yang telah diluluskan oleh JPK untuk mengendali kemahiran dan menawarkan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu berdasarkan NOSS
Kamus	Panduan yang komprehensif sebagai alat terjemahan
Tafsiran	Penjelasan teks bagi memudahkan memahami konteks dan makna teks
Undang-undang	sesuatu peraturan atau keseluruhan peraturan yang digubal (dibuat) oleh kerajaan dan mesti dipatuhi oleh perkumpulan atau persatuan berkenaan.
Teknologi	Kaedah, reka bentuk atau proses menangani sesuatu masalah teknikal
	Aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam pertanian, perubatan, perniagaan, sains gunaan dan lain-lain.
Digital	Menukarkan data maklumat kepada bentuk digital supaya dapat diproses oleh komputer
Kemahiran	Kecekapan dan kepandaian melakukan sesuatu
Rahsia	Dokumen rasmi, maklumat rasmi dan bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan membahayakan keselamatan negara, menyebabkan kerosakan besar kepada kepentingan dan martabat Malaysia

Rahsia Besar	Dokumen/ maklumat/ bahan rasmi yang jika didedahkan tanpa kebenaran akan menyebabkan kerosakan yang amat besar kepada Malaysia
Sulit	Dokumen/ maklumat dan bahan rasmi jika didedahkan tanpa kebenaran walaupun tidak membahayakan keselamatan tetapi memudaratkan kegiatan Kerajaan atau menyebabkan keadaan malu atau kesusahan kepada pentadbiran.
Terhad	Dokumen/ maklumat dan bahan rasmi selain daripada yang diperangkatkan Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit tetapi perlu juga diberi perlindungan keselamatan
Ketua Pentadbir Induk	Pemimpin sesuatu kumpulan pentadbir
Dokumen	Fail-fail, surat-surat, borang-borang yang telah diisi, disket yang mengandungi maklumat rasmi termasuk soalan peperiksaan
Dokumen Terperingkat	Dokumen / surat rasmi yang dikelaskan kepada Rahsia Besar, Rahsia, Sulit dan Terhad.

## **5. SENARAI KEPENDEKAN**

BI	Bahagian Inspektorat
BPK	Bahagian Persijilan Kompetensi
BPT	Bahagian Pentauliah
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
BSPKTVET	Bahagian Standard Pekerjaan Kebangsaan TVET
CA	<i>Core-Abilities</i>
CF	<i>Cross Functional</i>
CIAST	<i>Centre for Instructor and Advanced Skill Training</i> (Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan)
COPTPA	<i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation</i>
CU	<i>Competency Unit</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
IKM	Institut Kemahiran Mara
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPPM	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
KKTM	Kolej Kemahiran Teknologi Mara
KKTM	Kolej Kemahiran Teknologi MARA
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
KV	Kolej Vokasional

LI	Latihan Industri
LSI	Latihan Sangkut Industri
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MC-CU	<i>Micro Credential - CU</i>
MC-WA	<i>Micro Credential - WA</i>
MSIC	<i>Malaysian Standard Industrial Classification</i>
NDT	<i>Non-Destructive Testing</i>
NOSS	<i>National Occupational Skill Standard</i>
OF	<i>Occupational Framework</i>
PB	Pusat Bertauliah
PC	Penyata Pencapaian
PLK	Pusat Latihan Kemahiran
PP	Pegawai Penilai
PPA	Perancangan, Pembangunan Dan Antarabangsa
PPB	Pengurus Pusat Bertauliah
PPL	Pegawai Pengesah Luaran
PPT	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PSMB	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
SKK	Sijil Kekompetenan Kemahiran
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan

SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TEM	<i>Tool, equipment and material</i>
TVET	<i>Technical and Vocational Education Training</i> (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional)
WA	<i>Work Activity</i>

## 6. PENGUATKUASAAN

Kamus Tafsiran Jabatan Pembangunan Kemahiran ini berkuatkuasa dan bermula pada 1 Oktober 2023.

# **KATEGORI 1**

## **SENARAI TERMINOLOGI DAN**

## **TAFSIRAN**

## **7. TERMINOLOGI**

Terminologi adalah berkaitan dengan kajian sesuatu istilah yang mempunyai tafsirannya masing-masing supaya difahami oleh individu. Terdapat beberapa istilah yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza daripada panduan-panduan JPK. Senarai terminologi terkini adalah sebanyak 161 seperti di Jadual 1 : Senarai Terminologi dan Tafsiran, Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Bagi memastikan keseragaman terminologi Jabatan akan sentiasa akan melakukan penambahbaikan dan pengemaskinian sekiranya terdapat penambahan atau perubahan terminologi berdasarkan panduan yang sedang berkuatkuasa.

## Jadual 1 : Senarai Terminologi dan Tafsiran, Jabatan Pembangunan Kemahiran

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
1.	Agensi	Ertinya organisasi yang terdiri daripada agensi awam, swasta, syarikat atau badan persatuan yang didaftarkan secara sah mengikut undang-undang negara atau peraturan pihak berkuasa.
2.	Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652)	Ertinya suatu akta untuk menggalakkan melalui latihan kemahiran pembangunan dan perbaikan keupayaan seseorang yang diperlukan untuk kerjaya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya.
3.	Analisis Jurang Kompetensi	Ertinya proses yang dilaksanakan bagi mengenal pasti jurang kompetensi yang terdapat di antara bukti yang dimiliki oleh calon dengan NOSS.
4.	Aktiviti Pembelajaran Kendiri	Ertinya aktiviti pembelajaran tanpa pengawasan daripada pengajar. Contohnya, aktiviti ulangkaji (pembacaan dan persediaan untuk penilaian), tugas dan penulisan laporan.
5.	Aktiviti Terpandu / Bersemuka	Ertinya aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka di antara pelatih dan Pegawai Penilai.  Contohnya aktiviti di dalam kelas (pembelajaran teori), bengkel (pembelajaran amali), aktiviti penyediaan projek dan latihan industri.
6.	<i>Assessment Criteria</i>	Ertinya elemen penting yang perlu dinilai atau dihasilkan dari kemahiran untuk mencapai kompetensi aktiviti.
7.	<i>Attitude/ Safety/ Environment</i>	Ertinya boleh dilihat dan diukur serta berkaitan dengan aktiviti kerja dan kemahiran.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
8.	Badan Profesional	Ertinya pertubuhan atau persatuan atau organisasi yang mewakili sesuatu bidang atau profesion yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
9.	Bank Soalan	Ertinya pusat penyimpanan soalan latihan kemahiran bagi perlaksanaan penilaian SPKM.
10.	Bakat Digital	Ertinya seseorang yang celik digital dan memiliki kemahiran/kepakaran yang boleh diadaptasi dalam bidang pekerjaan teknologi digital.
11.	<i>Block Release</i>	Ertinya pendekatan latihan yang dilaksanakan secara mingguan atau bulanan sepanjang tempoh latihan yang melibatkan 70–80% latihan praktikal di syarikat SLDN dan 20–30% latihan teori di pusat latihan SLDN.
12.	Buku Log	Ertinya dokumen yang merekodkan pengalaman perantis/ pelatih dalam melaksanakan tugasantugas berkaitan di tempat kerja yang perlu disahkan oleh penyelia internship/ coach dan/atau pengajar
13.	Calon	Ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.
14.	Calon Baharu	Ertinya calon yang menduduki peperiksaan bagi kali pertama bagi kaedah NDT.
15.	Calon Mengulang	Ertinya calon yang menduduki semula mana-mana bahagian peperiksaan yang gagal di dalam peperiksaan sebelumnya.
16.	Calon Persijilan Semula	Ertinya calon yang menduduki peperiksaan persijilan semula bagi tujuan memperbaharui semula tempoh SKM NDT.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
17.	<i>Calon PPT</i>	Ertinya mana-mana individu yang mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang berdaftar dengan KPPK untuk mendapatkan kelayakan kemahiran berdasarkan seksyen 34 Akta 652.
18.	<i>Certified Person</i>	Ertinya pemegang SKM NDT
19.	<i>Cumulative Grade Point Average (CGPA)</i>	Ertinya purata nilai gred bagi sesuatu program yang telah diambil dan diperolehi oleh seseorang pelatih sehingga keputusan terkini
20.	<i>Coach</i>	Individu di syarikat yang memenuhi kelayakan dan berdaftar dengan JPK bagi melatih, membimbing, menyelia dan menilai kemahiran perantis dalam aspek praktikal dalam perlaksanaan kaedah SLDN.
21.	<i>Competency Unit (CU)</i>	Ertinya kombinasi kitaran aktiviti kerja lengkap, dapat dilihat, atau diukur yang menyumbang kepada kriteria prestasi untuk menghasilkan suatu nilai (produk, perkhidmatan atau keputusan)
22.	<i>Competency Weightage</i>	Ertinya jumlah peratusan masa yang ditetapkan bagi keseluruhan jam latihan kemahiran.
23.	<i>Core Abilities</i>	Ertinya satu dokumen yang menggariskan kemahiran generik yang perlu ada pada setiap pekerja bagi satu-satu bidang pekerjaan.
24.	<i>Cross Functional</i>	Ertinya kaedah pelaksanaan sesuatu aktiviti kerja yang merentasi fungsi bahagian dan melibatkan pegawai dari pelbagai bahagian secara satu pasukan atau secara individu untuk mencapai matlamat kerja yang sama.
25.	<i>Daftar Standard</i>	Ertinya satu dokumen yang menyenaraikan tajuk-tajuk pekerjaan bagi semua standard yang telah diwujudkan di bawah AKTA 652.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
26.	<i>Day Release</i>	Ertinya pendekatan latihan yang dilaksanakan secara harian dalam tempoh seminggu bekerja sepanjang tempoh latihan yang melibatkan 70–80% latihan praktikal di syarikat SLDN dan 20–30% latihan teori di pusat latihan SLDN.
27.	Diploma Pengajar Vokasional	Ertinya suatu kelayakan kemahiran yang dikeluarkan oleh Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST).
28.	<i>Experience Preparation Center (EPC)</i>	Ertinya pusat yang diluluskan Jabatan untuk menyediakan fasiliti dan penyeliaan bagi program khas pengalaman industri dan kursus pengalaman intensif bagi program NDT.
29.	<i>Grade Point Average (GPA)</i>	Ertinya purata nilai gred CU/ modul yang telah diambil dan diperolehi oleh seseorang pelatih bagi sesuatu tahap/tempoh latihan tertentu
30.	Iklan	Ertinya apa-apa siaran, surat pekeliling, notis atau apa-apa komunikasi lisan atau bertulis, sama ada disiarkan melalui perantara elektronik atau apa-apa media lain, struktur atau peralatan lain, atau apa-apa bentuk komunikasi elektronik kepada orang awam bagi maksud mempromosikan sesuatu penyedia latihan kemahiran atau program latihan.
31.	Industri	Ertinya apa-apa aktiviti ekonomi, dan termasuklah aktiviti pertanian, pengilangan dan perkhidmatan.
32.	<i>Intern</i>	Ertinya seseorang yang menjalani latihan di PB <i>internship</i> untuk mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari bagi melengkap Program Pengajaran TVET.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
33.	<i>Internship</i>	Ertinya suatu tempoh yang ditetapkan untuk <i>intern</i> mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran yang telah dipelajari bagi melengkap Program Pengajaran TVET.
34.	Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)	Ertinya suatu jadual yang menetapkan taburan atau bilangan soalan pengetahuan yang digunakan dalam penilaian akhir bagi menyediakan set soalan pengetahuan dan amali supaya memenuhi skop keterampilan yang ditetapkan.
35.	Jurang Kompetensi	Ertinya perbezaan di antara kompetensi yang ditetapkan dalam Standard berdasarkan Akta 652 berbanding kompetensi yang dimiliki oleh individu.
36.	Jurutunjuk	Ertinya seseorang yang berkelayakan untuk menyelia dan memberi tunjuk ajar semasa latihan amali bagi program NDT.
37.	Jurulatih	Ertinya individu yang mempunyai kepakaran dan kompetensi dalam bidang berkaitan yang dilantik untuk melatih peserta pertandingan kemahiran dalam tempoh masa tertentu.
38.	Kapasiti Pelatih	Ertinya bilangan maksimum pelatih bagi setiap program yang telah <del>diluluskan</del> ditauliahkan oleh KPPK berdasarkan kepada keupayaan PB untuk melaksanakan latihan pada satu-satu masa.
39.	Kaunseling	Ertinya suatu proses membimbing dan membantu calon PPT bagi mengenalpasti dan menyediakan bukti-bukti keterampilan berdasarkan pengalaman terdahulu yang dimiliki oleh calon.
40.	Kecukup Cakupan	Ertinya ciri skor item yang dibangunkan mewakili konstruk apa yang calon pelajari bersandarkan kurikulum berdasarkan kepada Standard.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
41.	Kelayakan Kemahiran	Ertinya sijil yang dikeluarkan oleh mana-mana agensi awam/swasta yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.
42.	Kemahiran	Ertinya suatu kebolehan yang diperoleh dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap.
43.	Kemasukan Terus ( <i>Direct Access</i> )	Ertinya kaedah persijilan yang membolehkan pemohon mendapatkan sijil tahap 2 atau tahap 3 tanpa memiliki sijil pada tahap sebelumnya bagi program NDT.
44.	Kerangka Pekerjaan	Ertinya struktur pekerjaan yang menyeluruh merangkumi bidang kerja dan tajuk perjawatan mengikut tahap bagi sesuatu industri di Msia berpandukan kepada klasifikasi aktiviti ekonomi piawaian klasifikasi Malaysia (MISC 2008).
45.	Keterampilan	Ertinya kecekapan atau kemampuan (yang tinggi) dalam melakukan sesuatu kerja atau perbuatan yang memenuhi keperluan Standard.
46.	Kompetensi	Ertinya gabungan pengetahuan, kemahiran, tingkahlaku dan keselamatan yang diperlukan pada individu dalam usaha untuk melaksanakan kerja dengan jayanya dan efisien berdasarkan kriteria prestasi yang ditetapkan dalam Standard.
47.	Kompetensi Elektif	Ertinya Unit Kompetensi yang disenaraikan dalam Standard berdasarkan Akta 652 yang digunakan oleh sebahagian industri berkaitan.
48.	Kompetensi Teras	Ertinya Unit Kompetensi yang disenaraikan dalam Standard berdasarkan Akta 652 dan digunakan oleh semua industri berkaitan.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
49.	Kredit	Ertinya Unit pembelajaran yang diukur dalam jam belajar atau pencapaian standard waktu pembelajaran
50.	Kredit Dapat	Ertinya jumlah kredit yang diperoleh oleh pelatih bagi program yang terampil seperti Latihan industri, kredit dapat turut meliputi mata pelajaran kredit pindah.
51.	Kredit Kira	Ertinya jumlah kredit yang diambilkira dalam pengiraan GPA dan CGPA yang melibatkan CU/ kredit modul program NOSS, Projek Akhir dan CA.
52.	Kurikulum	Ertinya kandungan anjuran suatu program latihan yang telah dibuat berdasarkan NOSS oleh suatu penyedia latihan kemahiran yang menunjukkan aktiviti yang dijalankan, masa yang diperuntukkan kepada setiap aktiviti, dan turutannya.
53.	Kurikulum Unit Kompetensi ( <i>Curriculum of Competency Unit - CoCU</i> )	Ertinya kurikulum yang dibangunkan berdasarkan <i>Competency Profile (CP)</i> bagi sesuatu CU yang mengandungi komponen pengetahuan, kemahiran dan sikap serta tempoh latihan dan nilai kredit kemahiran bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
54.	Kursus Induksi Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia	Ertinya kursus pengenalan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. yang terdiri daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>Kursus Induksi Pegawai Penilai-Pegawai Pengesah Dalaman-Pengurus Pusat Bertauliahan (PP-PPD-PPB)</li> <li>Kursus Induksi Pegawai Pengesah Luaran (PPL)</li> <li>Kursus Induksi Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT).</li> <li>Kursus induksi Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)</li> </ol>

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
55.	Laporan Pengalaman Keterampilan Terdahulu (LPKT)	Ertinya suatu dokumen bertulis (laporan) yang menjelaskan tugas/ projek/ pencapaian/ permasalahan yang telah dialami/ dilalui/ dilakukan oleh calon yang boleh membuktikan kekompetenan yang dimilikinya memenuhi keperluan NOSS dalam bidang berkaitan.
56.	Latihan Kemahiran	Ertinya aktiviti yang berdasarkan kerja dan berorientasikan industri yang bertujuan untuk mengadakan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dikehendaki bagi pelaksanaan sesuatu tugas atau kerja dengan berkesan, cekap, dan termasuklah latihan ulang kaji, lanjutan, pengemaskinian dan khusus yang berkaitan dengan kerja.
57.	<i>Learn And Work Assignment</i> (LWA)	Ertinya bahan pembelajaran yang menggabungkan tugas di syarikat dan pembelajaran secara berdikari.
58.	<i>Micro Credential</i>	Ertinya kelayakan mikro yang dianugerahkan bagi program latihan yang dilaksanakan secara modular dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berdasarkan kepada <i>Competency Unit</i> (CU) atau <i>Work Activity</i> (WA) atau gabungan CU atau gabungan WA bagi kompetensi spesifik sesuatu NOSS.
59.	Modul	Ertinya sesuatu subjek pembelajaran yang dibentuk melalui gabungan Unit Kompetensi atau Aktiviti Kerja tertentu dalam Standard berkaitan.
60.	Modul Penyedia TVET	Ertinya suatu subjek pembelajaran atau latihan yang merangkumi sebahagian daripada program yang menyokong kearah membentuk kompetensi bagi penghasilan produk atau perkhidmatan bidang kemahiran sesuatu pekerjaan.
61.	Pembangun Standard	Ertinya seseorang yang dilantik oleh Jabatan dari kalangan wakil industri beserta tambahan wakil pusat latihan bagi pembangunan <i>Standard Practice</i> , <i>Standard Content</i> dan <i>Curriculum of Competency Unit</i> .

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
62.	Pegawai Pengesah Dalaman (PPD)	Ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan diperakukan oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan dalaman hanya di PB yang ditetapkan.
63.	Pegawai Penguat Kuasa	Ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 40 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652) untuk melaksanakan kewajipan yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan penyiasatan.
64.	Pegawai Penilai (PP)	Ertinya pengajar di pusat bertauliah yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan ditauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian keterampilan pelatih hanya di pusat bertauliah yang ditetapkan.
65.	Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT)	Ertinya merupakan personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menilai pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki oleh calon.
66.	Pegawai Pengesah Luaran (PPL)	Ertinya seseorang yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan, dan diperakukan oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan pengesahan luaran di Pusat Bertauliah yang ditetapkan.
67.	Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT)	Ertinya personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan verifikasi dan mengesahkan terhadap penilaian yang dilaksanakan oleh PP-PPT.
68.	Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah (PPL-SLaPB)	Ertinya seseorang personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) untuk melaksanakan verifikasi luaran dan penilaian di Pusat Bertauliah.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
69.	Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN)	Ertinya personel yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan dan diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan verifikasi luaran di tempat kerja/ Pusat Bertauliah.
70.	Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)	Ertinya seseorang yang mempunyai kecekapan teknik dan yang dilantik secara bertulis oleh pemegang lesen serta diluluskan oleh LPTA untuk menyelia pemakaian peraturan-peraturan, langkah-langkah dan prosedur-prosedur perlindungan sinaran yang sesuai bagi program NDT.
71.	Panel Penilaian Pusat Bertauliah (PPPB)	Ertinya satu jawatankuasa yang terdiri daripada personel tertentu-PB dengan diketuai oleh PPB untuk memastikan keberkesanan dan kesahihan penilaian yang dilakukan.
72.	Pelatih	Ertinya seseorang yang menerima latihan kemahiran yang disediakan oleh penyedia latihan Kemahiran
73.	Pemeriksa	Ertinya Personel yang bertanggungjawab dalam pemeriksaan kertas jawapan sesuatu Penilaian Akhir.
74.	Pemohon Baru	Ertinya seseorang yang telah memenuhi syarat-syarat persijilan dan memohon sijil buat kali pertama dalam mana-mana kaedah NDT.
75.	Pemohon Pembaharuan	Ertinya pemegang sijil yang memohon perlanjutan tempoh (dalam keadaan sijil masih sah) untuk kali pertama dan setiap 10 tahun selepas itu bagi program NDT.
76.	Pemohon Persijilan Semula	Ertinya pemegang sijil yang memohon perlanjutan tempoh (dalam keadaan Sijil masih sah) untuk kali kedua dan setiap 10 tahun selepas itu bagi program NDT.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
77.	Pengajar	Ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi latihan kemahiran dan membimbing, menyelia dan menilai kebolehan seseorang pelatih untuk mengasimilasikan aspek teori dan amali latihan itu.
78.	Pengamal Industri	Ertinya bermaksud mana-mana individu yang bergiat aktif dan berkepakaran dalam sesuatu bidang pekerjaan.
79.	Penganjur Kursus Induksi	Ertinya mana-mana agensi yang telah diluluskan untuk menganjurkan Kursus Induksi Pentaulahan oleh Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
80.	Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)	Ertinya satu kaedah untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang boleh membuktikan keterampilan yang digariskan di dalam Standard berdasarkan kepada pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki.
81.	Pengiktirafan Khas	Ertinya penganugerahan sijil kepada individu melalui penilaian khas dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.
82.	Pengurus Latihan	Ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik pusat bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentaulahan.
83.	Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)	Ertinya seseorang yang diberi kuasa oleh pemilik PB dan diperaku oleh Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentaulahan.
84.	Penilaian	Ertinya suatu proses menyemak, menilai dan menentusahkan bukti-bukti keterampilan calon memenuhi keperluan NOSS termasuklah sesi kaunseling, lawatan tempat kerja dan temuduga.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
85.	Penilaian Amali PPT	Ertinya satu proses penilaian tanpa pembangunan portfolio yang meliputi elemen kemahiran, pengetahuan dan sikap mengikut keperluan Standard bidang yang dipohon.
86.	Penilaian Akhir (PA) Verifikasi PPL	Ertinya aktiviti yang dilaksanakan bagi menilai dan mengesahkan keterampilan pelatih/perantis oleh PPL
87.	Penilaian CU Akhir Dalaman	Ertinya penilaian pengetahuan bagi setiap CU/ Modul yang telah lengkap yang dilaksanakan secara dalaman sebelum penilaian akhir verifikasi PPL.
88.	Penilaian CU/ Modul	Ertinya penilaian yang diadakan di akhir sesuatu CU/ modul yang merangkumi Penilaian Akhir Pengetahuan dan Penilaian Akhir Prestasi.
89.	Penilaian Kerja Kursus	Ertinya penilaian yang dilaksanakan secara berterusan bagi setiap CU dalam NOSS sepanjang tempoh latihan.
90.	Penilaian Kendiri SLaPB	Ertinya kaedah penilaian yang diuruskan oleh Pentadbir Induk bagi menguruskan penugasan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) ke PB Cawangan di bawah seliaan mereka
91.	Penilaian Kendiri SLDN	Ertinya kaedah penilaian yang dibuat oleh perantis untuk mengukur kompetensi sendiri (cadangan - penilaian yang dilaksanakan oleh perantis untuk mengukur Kompetensi Sosial dan Kemanusiaan diri sendiri).
92.	Penilaian Kerja Kursus (PKK)	Ertinya penilaian berterusan yang dilaksanakan di Pusat Bertauliah bagi setiap unit (CU) atau modul merangkumi kerja kursus pengetahuan dan kerja kursus prestasi.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
93.	Penilaian Pemerhatian	Ertinya kaedah penilaian yang dibuat bagi mengukur Kompetensi Sosial dan Kemanusiaan perantis secara pemerhatian di sepanjang tempoh latihan oleh Coach.
94.	Penilaian Pengetahuan	Ertinya mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai pengetahuan dan pemahaman calon mengenai apa yang telah dipelajari.
95.	Penilaian Prestasi	Ertinya mekanisma atau kaedah yang digunakan bagi menilai kemahiran serta sikap dan amalan keselamatan dalam melaksanakan tugas, praktikal atau kerja amali yang ditugaskan.
96.	Pentauliahan	Ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan Kemahiran.
97.	Pentauliahan Induk	Ertinya suatu atacara yang Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) menilai dan meluluskan sesuatu program latihan melalui satu organisasi yang dikenali sebagai Pentadbir Induk yang membolehkan PB Cawangan dibawahnya melaksanakan program bertauliahan sehingga kepada penganugerahan suatu sijil.
98.	Penyedia Latihan Kemahiran	Ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak <i>Standard</i> berkaitan.
99.	Penyelaras	Ertinya personel utama yang dirujuk dalam pelaksanaan SLDN di pusat latihan dan syarikat.
100.	Penyelia	Ertinya pegawai industri yang berkelayakan untuk menyelia dan memberi tunjuk ajar kepada pelatih semasa latihan industri.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
101.	Peperiksaan Am	Ertinya peperiksaan bertulis di Tahap 1 atau 2 berkaitan dengan prinsip-prinsip kaedah NDT.
102.	Peperiksaan Asas	Ertinya peperiksaan bertulis pada Tahap 3 yang menguji pengetahuan calon terhadap sains bahan dan teknologi proses dan jenis-jenis ketidakselarasan, kelayakan dan persijilan NDT serta prinsip-prinsip asas kaedah NDT Tahap 2 yang diperlukan.
103.	Peperiksaan Kaedah Utama	Ertinya peperiksaan bertulis pada Tahap 3 yang menguji pengetahuan am dan khusus calon terhadap kaedah NDT yang berkenaan serta keupayaan calon menulis prosedur kaedah NDT yang diaplikasikan dalam sektor industri atau sektor produk yang mana persijilan dipohon.
104.	Peperiksaan Khusus	Ertinya peperiksaan bertulis pada Tahap 1 atau 2 berkaitan dengan teknik pengujian yang diaplikasikan dalam sektor tertentu, termasuklah pengetahuan tentang produk yang diuji dan kod, piawaian, spesifikasi, prosedur dan kriteria penerimaan.
105.	Peperiksaan Praktikal	Ertinya penilaian kemahiran praktikal, yang menguji kebiasaan dan kebolehan calon melaksanakan pengujian terhadap spesimen peperiksaan.
106.	Perakuan Personel Pusat Bertauliah	Ertinya personel pusat bertauliah yang telah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah untuk pelaksanaan latihan dan penilaian di pusat bertauliah.
107.	Perakuan Personel Penilaian Verifikasi	Ertinya personel penilaian verifikasi yang telah memenuhi kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah untuk mengesahkan pelaksanaan latihan dan penilaian di pusat bertauliah.
108.	Perantis	Ertinya seseorang yang mendaftar untuk mendapatkan kelayakan kemahiran melalui SLDN.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
109.	Personel Penilaian Verifikasi	Ertinya individu yang mengesahkan penilaian yang dilaksanakan oleh pusat bertauliah bagi tujuan persijilan kemahiran Malaysia.
110.	Personel Pusat Bertauliah	Ertinya individu yang melaksanakan penilaian, pengesahan dan pengurusan pusat bertauliah untuk menjalankan sistem persijilan kemahiran malaysia.
111.	Persijilan	Ertinya proses perakuan kelayakan bagi seseorang yang telah diakui kompeten dan memenuhi tahap kompetensi mengikut keperluan Standard.
112.	Pensijilan	Ertinya sesuatu aktiviti yang dilaksanakan bagi mendapatkan persijilan melalui SPKM.
113.	Personel	Ertinya seseorang yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk melaksanakan apa-apa tugas yang dinyatakan di dalam surat pelantikan bagi pelaksanaan Sijil Kemahiran Malaysia atau tugas lain yang berkaitan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652)
114.	Personel Penilaian Dan Verifikasi	Ertinya individu yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang berkaitan serta diperakui oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan Penilaian dan Verifikasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).
115.	Personel Pentauliahan	Ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus pusat bertauliah, pegawai pengesah dalaman atau pegawai penilai, yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
116.	Personel Peperiksaan	Ertinya pegawai-pegawai yang dilantik oleh Pengarah BPK bagi melaksanakan tugas - tugas mengawas, menyelia dan menyemak markah calon bagi memastikan sesi peperiksaan berjalan dengan lancar.
117.	Pihak Berkuasa	Ertinya mana-mana agensi Kerajaan yang bertanggungjawab mengesahkan sesuatu premis adalah sah di sisi undang-undang dan selamat untuk menjalankan latihan kemahiran.
118.	Portfolio	Ertinya adalah dokumen yang mengandungi segala jenis bukti kompetensi secara tersusun dan sistematik, mengikut keperluan setiap profil tugas SKPK.
119.	Premis	Ertinya mana-mana bangunan atau tempat lain yang digunakan untuk latihan, penginapan dan kemudahan lain untuk pelatih dan kakitangan penyedia latihan kemahiran atau pusat bertauliah tetapi tidak termasuk mana-mana tanah yang didudukinya.
120.	Program	Ertinya mana-mana satu tajuk pekerjaan untuk satu tahap yang ditetapkan dalam Daftar Standard.
121.	Program Bertauliah	Ertinya program latihan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah.
122.	Program Latihan	Ertinya suatu kumpulan aktiviti latihan dan penilaian, dan hasil pembelajaran bagi suatu pekerjaan tertentu.
123.	Program Mengikut Tahap	Ertinya satu program SKPK/ NOSS pada satu tahap dan bidang merujuk kepada daftar SKPK/ NOSS terkini.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
124.	Program <i>Micro Credential</i>	Program latihan yang dilaksanakan dalam tempoh yang lebih singkat. Ia dibangunkan berasaskan kepada <i>Competency Unit</i> (CU) atau <i>Work Activity</i> (WA) yang membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC)
125.	Program MC-CU	Ertinya Program <i>Micro Credential</i> yang ditauliahkan bagi satu-satu CU atau gabungan CU.
126.	Program MC-WA	Ertinya Program <i>Micro Credential</i> yang ditauliahkan bagi satu-satu WA atau gabungan WA.
127.	Program Modular NCS	Ertinya mana-mana program Standard Keterampilan Kebangsaan yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC);
128.	Program Penuh	Ertinya program latihan yang dijalankan bagi memenuhi kesemua CU di dalam SKPK/ NOSS berkaitan yang membawa kepada penganugerahan sijil.
129.	Program Tahap Tunggal	Ertinya kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran merujuk kepada Daftar SKPK/ NOSS terkini yang membawa kepada tahap persijilan yang tertinggi dalam laluan kerjaya tersebut
130.	Projek Akhir	Ertinya suatu projek yang ditetapkan melalui perundingan antara calon dan Pegawai Penilai untuk menghasilkan sesuatu projek yang melibatkan penggunaan sebahagian besar pengetahuan dan kemahiran yang telah dimiliki oleh calon untuk mereka, membina atau menambah nilai sesuatu perkara yang berkaitan dengan SKPK/ NOSS.
131.	Pusat Bertauliah	Ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
132.	Pusat Latihan SLDN	Ertinya mana-mana organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan yang diberi tauliah oleh Ketua Pengarah bagi menjalankan sesuatu program latihan kemahiran secara teori melalui kaedah SLDN.
133.	Pusat Penilaian Amali (PPA-PPT)	Ertinya tempat penilaian terdiri daripada Pusat Bertauliah (PB), tempat majikan atau pusat latihan yang dibenarkan oleh JPK bagi mengendalikan proses penilaian keterampilan PPT.
134.	Rekod Bukti Pencapaian	Ertinya suatu dokumen yang merekodkan pencapaian calon terhadap tugas-tugasan yang berkaitan melalui penilaian yang dilakukan.
135.	Rekod Penilaian SLDN	Ertinya suatu dokumen yang merekodkan, mengumpul dan menyimpan pencapaian perantis yang mana bukti-bukti keterampilan yang telah disempurnakan dan disahkan oleh <i>coach</i> atau pengajar bagi tujuan mendapatkan sijil melalui pelaksanaan program SLDN.
136.	<i>Related Knowledge</i>	Ertinya pengetahuan yang diperlukan bagi menyempurnakan aktiviti kerja.
137.	<i>Related Skills</i>	Ertinya kemahiran yang diperlukan bagi menyempurnakan aktiviti kerja
138.	Sela Masa	Ertinya perincian dan ketetapan masa penilaian dalam gandaan setengah jam untuk satu-satu penilaian amali.
139.	Senat	Ertinya satu jawatankuasa yang diwujudkan di peringkat pengurusan induk bagi mengawal dan bertanggungjawab ke atas jaminan kualiti dan keputusan penilaian peperiksaan bagi penganugerahan sijil.

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
140.	Separuh Masa	Ertinya pelaksanaan latihan kemahiran kurang daripada 20 jam dalam seminggu.
141.	Sepenuh Masa	Ertinya pelaksanaan latihan kemahiran selama 20 jam atau tidak lebih 40 jam dalam seminggu.
142.	Sijil	Ertinya kelayakan kemahiran yang dianugerahkan kepada seseorang oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 34 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Akta 652).
143.	Sijil Petaulahan	Ertinya sijil yang dianugerahkan kepada penyedia latihan kemahiran untuk menjalankan suatu program bertauliah
144.	Sistem Kredit	Ertinya kaedah persijilan semula pemegang SKM NDT Tahap 3 yang melanjutkan tempoh sah sijil dengan mengumpul mata kredit melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti berkaitan NDT yang ditentukan, sepanjang 5 tahun tempoh sijil.
145.	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	Ertinya konsep latihan kemahiran berorientasikan industri melibatkan dua situasi pembelajaran, iaitu 70% hingga 80% latihan praktikal di syarikat dan 20% hingga 30% latihan teori di Pusat Latihan.
146.	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	Ertinya polisi, mekanisme Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu sijil oleh Ketua Pengarah.
147.	Sistem Latihan Pusat Bertauliah (SLaPB)	Ertinya konsep latihan kemahiran berdasarkan Standard dan dilaksanakan sepenuhnya di Pusat Bertauliah (PB).
148.	Standard	Ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (AKTA 652).

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
149.	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) / <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS)	<p>Ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.</p> <p>Dokumen SKPK/ NOSS adalah merangkumi Praktis Standard (<i>Standard Practice</i>) dan Kandungan Standard (<i>Standard Content</i>).</p>
150.	Standard Kompetensi Kebangsaan (SKK) / <i>National Competency Standard</i> (NCS)	<p>Ertinya spesifikasi kompetensi yang diperlukan bagi seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia untuk sesuatu bidang pekerjaan khusus yang memenuhi keperluan industri di bawah SKPK/ NOSS</p>
151.	Syarikat SLDN ( <i>In-House</i> )	<p>Ertinya mana-mana organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan bagi menjalankan sesuatu perniagaan dan telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan program SLDN secara teori dan amali di bawah entiti yang sama.</p>
152.	Syarikat SLDN	<p>Ertinya mana-mana organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan bagi menjalankan sesuatu perniagaan dan yang diberi tauliah oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan latihan amali program SLDN.</p>
153.	Teknologi Digital	<p>Ertinya teknologi yang beroperasi berdasarkan sistem pengkomputeran.</p>
154.	Tempoh Latihan	<p>Ertinya jumlah jam minimum yang mesti dilalui oleh pelatih bagi mencapai suatu hasil pembelajaran lengkap yang merangkumi aktiviti terpandu, pembelajaran kendiri dan penilaian.</p>

BIL.	TERMINOLOGI	TAFSIRAN
155.	Tempoh Sah Sijil	Ertinya Tempoh sah laku bagi sijil NDT adalah maksimum selama 5 tahun atau kurang bergantung kepada keputusan Mesyuarat Permohonan Persijilan SPKM NDT.
156.	Tempoh Sah Slip Keputusan Peperiksaan	Ertinya Tempoh sah laku bagi slip keputusan peperiksaan NDT adalah maksimum selama 2 tahun bermula tarikh lulus peperiksaan.
157.	Tenaga Pengajar	Ertinya individu yang melaksanakan aktiviti pengajaran dan latihan di pusat bertauliah bagi memenuhi keperluan sistem persijilan kemahiran malaysia
158.	Terampil	Ertinya kebolehan mengaplikasi pengetahuan, kemahiran, keselamatan dan sikap yang dipelajari bagi melaksanakan sesuatu tugas diberikan.
159.	<i>Training Hours</i>	Ertinya jumlah masa bagi pengajaran meliputi masa teori dan amali.
160.	Verifikasi Dalaman	Ertinya aktiviti yang dilaksanakan bagi menilai dan mengesahkan keterampilan pelatih/perantis di PB oleh personel lantikan JPK.
161.	WIM	Ertinya dokumen yang disediakan oleh pengajar untuk kegunaan pelatih bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

## **KATEGORI 2**

### **SENARAI INDUK PANDUAN JPK**

## **8. SENARAI PANDUAN JPK**

Panduan-panduan yang dikeluarkan oleh JPK adalah suatu penjelasan yang rapi yang dijadikan pegangan dan perlu dipatuhi oleh pengguna awam. Sebanyak 66 panduan disenaraikan seperti di dalam Jadual 2: Senarai Daftar Panduan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) adalah yang terkini dan sedang berkuatkuasa yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK). Panduan-panduan JPK ini juga boleh diperolehi di laman sesawang rasmi JPK. Terminologi yang terdapat di dalam panduan-panduan JPK ini dikumpulkan menjadi satu rujukan kamus tafsiran kepada semua pihak yang terlibat. Jabatan akan sentiasa peka sekiranya terdapat penambahan terminologi yang terdapat di dalam panduan yang berkuatkuasa.

Jadual 2 : Senarai Daftar Panduan SPKM

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
<b>A. Bahagian : CIAST</b>		
1.	Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	05 November 2018
2.	Panduan Permohonan dan Penganjuran Kursus Induksi Pentaulahan Persijilan Kemahiran Malaysia (Pindaan 2022)	12 Ogos 2022
3.	Panduan dan Syarat Permohonan Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan (PPKSPP) di Pusat Bertauliah	01 Mac 2017
4.	Panduan dan Syarat Lantikan Fasilitator Bertauliah di bawah Direktori Pakar Industri Negara (DPIN)	26 Mei 2014
5.	Garis Panduan Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam dan Luar Negara Melalui Kaedah Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) Kepada Pengajar TVET RMKe-12 (2021 - 2025) Pindaan 1	Mac 2023
6.	Garis Panduan Pelaksanaan Program Perkongsian Kepakaran Pengajar Dari Dalam dan Luar Negara Melalui Kaedah Penempatan Latihan Sangkutan Industri (LSI) Kepada Pengajar TVET RMKe-12 (2021 - 2025) Pindaan 1	Mac 2023

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
<b>B. Bahagian : BPK</b>		
	<b>PANDUAN PENDAFTARAN</b>	
1.	Panduan Pentauliahan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah sistem Persijilan kemahiran Malaysia (Pendaftaran Pelatih)	1 September 2020
2.	Panduan pendaftaran Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Sistem latihan Program Bertauliah (SLaPB), Sistem Latihan Dual nasional (SLDN) Dan Kaedah Pengiktirafan Pencapaian terdahulu (PPT)	Ogos 2022
<b>PANDUAN NDT</b>		
1.	Panduan Menduduki Peperiksaan Ujian Tanpa Musnah (NDT)	31 November 2022 (Pindaan 03)
2.	Panduan Persijilan Ujian Tanpa Musnah (NDT)	31 November 2022 (Pindaan 03)
3.	Panduan Pentauliahan Pusat Bertauliah dan Pusat Peperiksaan Ujian Tanpa Musnah (NDT)	31 November 2022 (Pindaan 03)
4.	Panduan, Kriteria dan Tanggungjawab Personel SPKM NDT (Pindaan 04)	28 Ogos 2020

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
5.	Panduan Personel Peperiksaan (Ketua Pemeriksa, Pemeriksa, Penyelia & Urus Setia)	28 Ogos 2020 (Pindaan 03)
6.	Panduan Penilaian bagi Personel Peperiksaan NDT	15 April 2012
7.	Panduan Penyimpanan dan Tatacara Keselamatan Maklumat dan Bahan Penilaian	01 Mac 2013
8.	Panduan Lawatan Pentauliahan/ Pemantauan Pusat Bertauliahan Ujian Tanpa Musnah	01 Mac 2013
9.	Panduan Penggunaan Logo Skim Persijilan NDT, Tanda Akreditasi dan Tanda Certified Person	29 Ogos 2014
10.	Panduan Pembaharuan dan Persijilan Semula SKM NDT Tahap 3 Secara Sistem Kredit	31 November 2022
	<b>PANDUAN PELAKSANAAN SLaPB</b>	
1.	Panduan Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran (PLK) Secara Persijilan Tahap Tunggal ( <i>Single Tier</i> )	1 Oktober 2015
2.	Panduan Pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit	17 Januari 2020
3.	Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Murid Berkeperluan Khas (MBK)	1 Januari 2018

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
4.	Panduan Pelaksanaan Kebolehan Teras Z-009:2015	1 Julai 2017
5.	Panduan Tugasan Pegawai Pengesah Luaran (PPL) Bagi Pelaksanaan Kredit Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentaulahan Program Kemahiran (KAPPK) Dan <i>Code Of Practice For Tvet Programme Accreditation</i> (COPTPA)	1 Julai 2023
6.	Panduan Persijilan Program Standard Kemahiran Kebangsaan (SKK)	15 Mac 2012
7.	Manual Latihan Industri (SKM 3, DKM dan DLKM) Berasaskan COPTPA	15 November 2021
8.	Panduan dan Syarat-syarat Perlaksanaan Penilaian Kendiri Oleh Pusat Bertauliah	1 Disember 2012
9.	Panduan Tuntutan PPL	15 April 2014
10.	Panduan Skim Perantisan	Januari 2018
11.	Panduan VTO dan Buku Log VTO	1 April 2018
12.	Panduan Pentaulahan dan Pelaksanaan Latihan Program Pemandu Pelancong 2016	1 Januari 2016
13.	Panduan Projek Akhir (FYP) DKM-DLKM Bagi Program SLaPB Berasaskan COPTPA	1 Disember 2021

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
14.	Garis Panduan Pelaksanaan PDP Secara Dalam Talian SPKM SLaPB	1 Jun 2022
15.	Panduan Permohonan Pelaksanaan Program <i>Micro Credential</i> Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan Pentauliahan Program Penuh	1 April 2023
16.	Panduan Pelaksanaan Dan Penilaian Kredit Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program Kemahiran (KAPPK)	1 Julai 2023
<b>PANDUAN PELAKSANAAN PPT</b>		
1.	Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Dan Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Edisi Ke-2 Tahun 2021	1 Julai 2021
2.	Garis Panduan Pelaksanaan Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Secara Pengiktirafan Khas Tahun 2022	November 2022
<b>PANDUAN PELAKSANAAN SLDN</b>		
1.	Panduan Pelaksanaan Latihan Sistem Latihan Dual Nasional	10 Januari 2022 Pindaan 3
2.	Panduan Pembangunan Projek Akhir dan Penulisan Laporan Program Diploma Kemahiran (DKM) / Diploma Lanjutan Kemahiran malaysian (DLKM) - COPTPA	2017

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
3.	Panduan Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial -2018	Mac 2018
4.	Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Program <i>Micro-Credential</i> melalui Sistem Latihan Dual Nasional	15 November 2022
<b>PANDUAN PENGELOUARAN SIJIL &amp; TRANSKRIP</b>		
1.	Panduan Pengeluaran Sijil Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (Pindaan 2021)	1 Ogos 2021
<b>C. Bahagian : BPT</b>		
1.	Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012	15 Mac 2012
2.	Panduan Dan Peraturan-Peraturan Pentauliahan Persijilan Kemahiran Malaysia 2007	28 November 2006
3.	Panduan Pentauliahan Dan Pelaksanaan Berasaskan NOSS Format Baharu Bagi Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia	1 Jun 2013

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
4.	Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentaulahan Program Latihan Kemahiran Bagi Persijilan Tahap Tunggal Melalui Sistem Pentaulahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia	1 Oktober 2015
5.	Panduan Pentaulahan Program Dan Pelaksanaan Latihan Kemahiran Melalui Sistem Pentaulahan Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Pusat Bertauliah Luar Negara	1 Februari 2016
6.	Panduan Dan Syarat Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Pelatih Antarabangsa Dalam Negara	1 Februari 2015 (Pindaan September 2015)
7.	Panduan Pentaulahan Program Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Bagi Program Modular Berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Dan Standard Keterampilan Kebangsaan (NCS)	1 Julai 2021
8.	Panduan Penyerahan Dokumen Permohonan Pentaulahan Program Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Jabatan Pembangunan Kemahiran	Tiada
9.	Panduan Pelaksanaan Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berasaskan Kredit	1 November 2019

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
10.	Panduan Permohonan Pelaksanaan Program <i>Micro Credential</i> Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Berdasarkan Pentauliahan Program Penuh	01 April 2023
11.	Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Tambahan Pentauliahan Pusat Bertauliah Bagi Bidang Perladangan Dan Mekanisasi Perladangan Sawit	Tiada
12.	Syarat Tambahan Pentauliahan Bagi Program Kemahiran Area Pengasuhan Dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	1 Jun 2018 (Pindaan Oktober 2020)
13.	Syarat Tambahan Pentauliahan Program Kemahiran Bagi Program Noss Area Pemanasan, Pengalihan Udara, Penyamanan Udara (HVAC) Penyejukbekuan – Domestik /Komersial Melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia	29 Ogos 2018
14.	Panduan Pentauliahan Program Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)	27 Oktober 2016
15.	Panduan Pentauliahan Program DKM/ DLKM Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	21 JUN 2017
16.	Panduan Pentauliahan Program Secara Modular Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK)	27 Oktober 2019

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
17.	Panduan Pentauliahan Program Latihan Kemahiran Melalui Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Kod Amalan Pentauliahan Program TVET (COPTPA) - Persijilan Program Penuh	1 April 2021 (Kemaskini 15 April 2023)
18.	Panduan Pentauliahan Program Latihan Kemahiran Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Kod Amalan Program TVET ( <i>Code of Practice For TVET Programme Accreditation (COPTPA)</i> ) - Persijilan Program Penuh	1 April 2021
<b>D. Bahagian : BSPKTVET</b>		
1.	Panduan Pembangunan Kerangka Pekerjaan ( <i>Occupational Framework - OF</i> ) Berpandukan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (2008) Edisi 2020	1 Januari 2021
2.	Panduan Pembangunan Standard Pekerjaan Kemahiran Kebangsaan ( <i>National Occupational Skills Standard - NOSS</i> ) Edisi 2020	1 Januari 2021
3.	Panduan Pembangunan Bahan Pengajaran Bertulis ( <i>Written Instructional Material - WIM</i> ) Edisi 2020	1 Januari 2021
4.	Panduan Pembangunan Soalan Penilaian Latihan Kemahiran Edisi 2020	1 Januari 2021
<b>E. Bahagian : BPROMOSI</b>		

BIL.	TAJUK PANDUAN	TARIKH KUATKUASA
1.	Panduan Pengurusetiaan <i>World Skills Competition</i> (WSC) Dan <i>Asean Skills Competition</i> (ASC)	Januari 2019
<b>F. Bahagian : BHIKS</b>		
1.	<i>Tiada</i>	
<b>G. Bahagian : BI</b>		
1.	Panduan Pelaksanaan Pemeriksaan di bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]	Dalam Proses Semakan Semula
<b>H. Bahagian : BPPA</b>		
1.	Panduan Pelaksanaan Majlis Graduasi Swasta di Bawah SKM, JPK	Semak semula